



10 DEC, 2022

BAKAL MEMBANGUN LEBIH PESAT



Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Oleh Bisnes HM
bisnes@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) menjakam perjalanan teknologi di negara ini akan membangun dengan lebih pesat, disokong oleh ekosistem keusahawanan yang semakin berkembang maju terutamanya daripada golongan muda.

Ketua Eksekutif MTDC Datuk Norhalim Yunus berkata, semakin ramai anak muda kini menunjukkan minat yang tinggi untuk berkecimpung dalam bidang teknologi.

"Kita juga mengiktiraf ramai usahawan muda kerana mereka berani mengambil risiko untuk mengkomersialkan teknologi dan sanggup menunggu lama (untuk produk mereka berjaya di-komersialkan)," katanya kepada pemberita selepas Sambutan Ulang Tahun ke-30 MTDC yang bertemakan *Odyssey Beyond The Horizon* di sini, baru-baru ini.

Norhalim berkata, MTDC kini memberikan fokus utama terhadap *deep tech*, yang memerlukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) mendalam dan seterusnya peringkat *scaling up* supaya produk dapat dihasilkan mengikut piawaian dan mutu yang diperlukan oleh pengguna.

Katanya, antara bidang yang menjadi keutamaan ialah bioperubatan serta elektrik dan elektronik (E&E).



SEMAKIN ramai anak muda menunjukkan minat yang tinggi untuk berkecimpung dalam bidang teknologi.



Kita juga mengiktiraf ramai usahawan muda kerana mereka berani mengambil risiko untuk mengkomersialkan teknologi"

Norhalim

yang berteraskan teknologi dan pengkomersialan teknologi baharu termasuk antara syarikat terawal yang mendapat pelaburan MTDC iaitu Globetronics Technology Bhd pada 1993.

Selain itu, coffee table book bertajuk *30 Techno Dream* yang memaparkan 30 syarikat daripadanya pelbagai peringkat kemajuan, saiz dan sejarah pelaburannya turut dilancarkan sempena ulang tahun ke-30 MTDC.

Sehingga kini, MTDC membantu dan melabur dalam lebih 850 syarikat Malaysia dan sebahagian daripadanya sudah berjaya disenaraikan di bursa tempatan dan antarabangsa yang mencapai lebih RM1 bilion permodalan pasaran.

TEKNOLOGI NEGARA DISOKONG EKOSISTEM KEUSAHAWANAN

BAKAL MEMBANGUN LEBIH PESAT

"Pada masa depan, kami akan menuju ke arah reka bentuk cip. Kita berharap sebuah syarikat yang kita laburkan dalam bidang ini akan disenaraikan di Bursa Malaysia, tidak lama lagi."


"Selain itu, mungkin terdapat tiga lagi syarikat yang dijangka disenaraikan (di Bursa Malaysia) pada suku pertama dan kedua pada 2023.

"Ia ialah TT Vision, sebuah

syarikat terbabit dengan *machine vision solutions* serta membangunkan automasi dan robotik. Selain itu, syarikat yang terbabit dalam industri 4.0 dan sebuah lagi syarikat perkhidmatan pem-

buatan kejuruteraan (belum dapat diumumkan nama syarikat)," katanya.

Pada majlis itu, MTDC meraikan perjalanan 30 tahun peranannya dalam membangunkan syarikat



10 DEC, 2022

BAKAL MEMBANGUN LEBIH PESAT

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) menjangka perjalanan teknologi di negara ini akan membangun dengan lebih pesat, disokong oleh ekosistem keusahawanan yang semakin berkembang maju terutamanya daripada golongan muda. Ketua Eksekutif MTDC Datuk Norhalim Yunus berkata, semakin ramai anak muda kini menunjukkan minat yang tinggi untuk berkecimpung dalam bidang teknologi.